

PENGENALAN

Program Sains Forensik UKM menawarkan Ijazah Sarjanamuda Sains Forensik Dengan Kepujian dalam tempoh pengajian minimum selama 4 tahun. Terdapat 4 elemen utama yang diterapkan dalam program ini, iaitu Kimia, Sains Kesihatan, Siasatan CSI dan Perundangan. Pelajar yang mengikuti Program ini dilatih untuk memiliki kemahiran dalam pengurusan bukti forensik, menganalisis dan mentafsir bukti dan membentangkan keterangan pakar di mahkamah. Ijazah ini unik kerana menggunakan pendekatan rentas disiplin dengan kolaborasi pelbagai fakulti di UKM seperti Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Sains dan Teknologi dan Fakulti Undang-undang. Pengajaran dan pembelajaran turut mengambil kira penglibatan agensi penguatkuasa tempatan yang berkaitan Sains Forensik seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Pelajar akan didedahkan kepada persekitaran kerjaya forensik melalui modul latihan industri serta pengalaman menjalankan penyelidikan sains forensik untuk menghasilkan penerbitan saintifik pada peringkat akhir pengajian. Sebagai memartabatkan Citra UKM dan peranan Universiti sebagai pelindung kepada negara, Program Sains Forensik menitikberatkan kemahiran insaniah dalam segenap aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar kuliah.



IJAZAH YANG DIKURNIAKAN

SARJANA MUDA SAINS FORENSIK (KEPUJIAN)

JANGKAMASA PENGAJIAN

Empat tahun (lapan semester)

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

i. STPM/Matrikulasi/Asasi

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM/Matrikulasi /Asasi dalam matapelajaran berikut :

- Biologi
- Kimia
- Matematik/Matematik Tambahan

ii. Diploma/Setaraf

Memiliki Diploma Sains atau Sains Kesihatan dari Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Universiti dan Kerajaan Malaysia atau Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.50; dan

Calon dikehendaki mengemukakan transkrip akademik dari Semester satu (1) hingga Semester akhir; atau

Calon Lepasan STPM/Matrikulasi KPM/Asasi (Bukan Tahun Semasa)/A-Level

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM/Matrikulasi/Asasi/A-Level dalam matapelajaran berikut:

- Biologi
- Kimia
- Matematik/Matematik Tambahan

iii. STAM

Tidak ditawarkan

iv. Saluran Kedua

Lulus dengan Kepujian dalam matapelajaran Kimia dan salah satu (1) daripada matapelajaran aliran Sains berikut di peringkat SPM:

- Biologi
 - Matematik
- dan

Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan dengan Sains atau Sains Kesihatan ; dan

Lulus temuduga yang ditetapkan

iv. Bukan Warganegara

Tidak ditawarkan

KURSUS-KURSUS TERAS

Peringkat 1000

Biokimia
Amali Kimia I & II
Kimia Tak Organik
Kimia Organik I
Biologi Molekul
Fisioanatomi
Instrumentasi Forensik
Kimia Fizik I
Kimia Analisis Asas

Peringkat 2000


Patologi Asas Forensik
Kimia Fizik II
Kimia Organik II
Kimia Polimer I & II
Farmakologi Am
Bukti Surih & Kriminalistik
Spektroskopi Asas
Pengurusan Industri Kimia
Kimia Koordinatan
Kimia Kumpulan Utama & Peralihan
Penentuan Struktur Molekul
Amali Kimia III & IV
Statistik Penyiataan

Peringkat 3000

Analisis Tempat Kejadian I & II
Toksikologi Asas Forensik
Entomologi Forensik
Pemeriksaan Kenderaan Forensik
Analisis Dokumen
Kinetik Kimia
Elektrokimia
Kimia Organik III
Penyelidikan Sains Forensik/Usahaniaga Lanjutan I
Toksikologi & Kimia Dadah
Kimia Kebakaran & Penyiataan
Bahan Letupan
Forensik Persekitaran
Kimia Bioorganik
Instrumentasi Kimia
Cecair Tubuh
Identifikasi Senjata Api
Mikroskop Lanjutan
Kriminologi
Forensik Dalam Air

Peringkat 4000

Asas Perundangan dan Persembahan Bukti
Teknologi DNA Forensik
Penyelidikan Sains Forensik/Usahaniaga Lanjutan II
Patologi Forensik & Klinikal
Jenayah Kolar Putih
Pengurusan Makmal Forensik
Kepaniteraan Forensik
Kaedah Pemisahan
Forensik Imej
Digital Forensik
Kemajuan Sains Forensik



PROSPEK KERJAYA

Kursus ini direkabentuk bagi memberikan peluang graduan sains forensik untuk berkerja dalam dua bidang utama iaitu saintis forensik dan ahli kimia. Sebagai seorang graduan sains forensik, mereka mempunyai prospek untuk terlibat dalam pelbagai organisasi kerajaan seperti agensi penguatkuasaan. Ini termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Sebagai seorang ahli kimia pula, graduan berpeluang untuk bekerja di pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kimia Malaysia (JKM) dan sektor swasta seperti penyiasat di syarikat-syarikat tuntutan insurans, industri perkilangan dan institusi perbankan berkaitan siasatan pemalsuan kewangan.

Struktur program ini menggalakkan sifat berdikari, berkeyakinan tinggi dan memupuk kemahiran menyelesaikan masalah, membolehkan graduan mempunyai pasaran kerjaya yang meluas.



KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- Makmal Cap Jari (Serbuk)
- Makmal Cap Jari (Superglue)
- Makmal Mikroskop Perbandingan
- Makmal Pemprosesan Dokumen
- Makmal Antropologi
- Makmal Pemprosesan Imej
- Makmal Gunasama FSK (Alat Khusus)
- Makmal Entomologi Forensik
- Tapak Simulasi Sains Forensik



Ingin Tahu Lebih Lanjut? Hubungi Kami:

Program Sains Forensik,
Pusat pengajian Sains Diagnostik & Kesihatan Gunaan
Fakulti Sains Kesihatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel : 03-89214833/03-26878098
No. Faks : 03-89214832/0326878108
Laman Web : ukmforscience.com atau
www.fsk.ukm.my



ALAMI CABARAN



PROGRAM SAINS FORENSIK
ukmforscience.com

